

UCAPAN OLEH: DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD
(PERDANA MENTERI)

UPACARA: MAJLIS PELANCARAN PERBADANAN PEMBANGUNAN PERDAGANGAN
LUAR MALAYSIA (MATRADE)

TEMPAT: HOTEL HILTON, KUALA LUMPUR

TARIKH: 11 JUN 1993

MASA:

Saya mengucapkan terima kasih kepada Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) kerana menjemput saya untuk melancarkan Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE) pada hari ini. Pelancaran MATRADE diharap akan membantu mengembangkan lagi eksport Malaysia khususnya dan perdagangan luar Malaysia amnya.

2. Tidak dapat dinafikan ekonomi dunia semenjak beberapa tahun kebelakangan ini telah dipengaruhi oleh pelbagai perkembangan dan perubahan yang tidak begitu sihat dan memberi kesan yang kurang baik kepada arah aliran perdagangan dan pelaburan antarabangsa. Tetapi perkembangan-perkembangan ini perlu dianggap sebagai cabaran bagi kita menguji 'resilience' kita melalui penyesuaian strategi dan langkah supaya bukan sahaja dagangan kita tidak terjejas tetapi sebaliknya terus berkembang.

3. Keadaan ini bertambah buruk lagi dengan ketidaktentuan dalam rundingan perdagangan pelbagai hala Pusingan Uruguay kerana tidak terdapat kata sepakat di antara blok Eropah dan Amerika. Dalam konteks ini, Malaysia tidak mahu melihat rundingan Pusingan Uruguay terus menemui kegagalan kerana ia akan menyebabkan sistem perdagangan pelbagai hala menjadi lemah dan tidak terbuka. Gejala ini akan menggalakkan perdagangan sehalal dan dua hala, yang mana akan memberi kelebihan kepada negara-negara yang besar kuasa pasarannya dan boleh meletakkan syarat-syarat dagangan yang merugikan negara-negara kecil. Negara-negara yang mengamalkan dasar perlindungan perdagangan pula akan meneruskan amalan tidak sihat ini dan ini akan mendorong negara-negara lain, atas alasan untuk melindungi kepentingan mereka, mengambil langkah yang sama. Kemungkinan-kemungkinan ini adalah antara keadaan yang kita kawatiri kerana sebagai sebuah negara yang 'outward-looking', kita inginkan satu sistem perdagangan yang terbuka dan 'predictable'.

4. We must accept the fact that the international market place is imperfect and that countries are in different stages of economic development because of different factor endowments and differences in the ability to manage available resources. Therefore, competition can never be absolutely fair to all. Notwithstanding this, what we could

try to attain is some common rules of the competitive game. Better still, the world should reach a single common interpretation of the so-called common rules. Sebenarnya masalah yang kita hadapi sekarang bukanlah terbit daripada kurangnya 'desire to reach consensus', tetapi lebih tepat ialah kurangnya 'the will to make immediate and bold commitments for long term interests'.

5. Sehubungan dengan ini, Malaysia tidak mampu berdiam diri dan menunggu penyelesaian rundingan Pusingan Uruguay. Sama ada rundingan Pusingan Uruguay berjaya atau tidak, Malaysia perlu berusaha dengan lebih gigih untuk melaksanakan aktiviti-aktiviti galakan perdagangan yang terancang dengan secara agresif dalam usaha mengekal dan memperluaskan pasaran keluaran negara. Kita wajar berbangga bahawa kita mempunyai hubungan perdagangan dengan kebanyakan negara dan telah disenaraikan antara negara-negara perdagangan utama di dunia ini, baik daripada segi eksport ataupun import. Ini membuktikan bahawa pasaran kita terbuka kepada negara lain. Sebenarnya Malaysia adalah antara sebilangan kecil negara di dunia di mana terdapat barangan daripada seluruh pelusuk dunia dijual dengan bebas.

6. Dalam masa yang sama, kita juga melihat beberapa perkembangan yang menggalakkan yang membuka peluang kepada kita untuk meningkatkan perdagangan dengan negara-negara tertentu. Dua contoh boleh disenaraikan di sini, iaitu;

- Pertama, usaha-usaha untuk mewujudkan ASEAN Free Trade Area (AFTA) melalui Common Effective Preferential Tariff Scheme (CEPT), dan
- Keduanya, usaha-usaha kerjasama ekonomi negara-negara Selatan melalui G-15 dan aktiviti subsidiarinya, South Investment Trade and Technology Data Exchange Centre (SITTDEC).

7. Perkembangan ini diharap dapat memberi contoh bagaimana kerjasama ekonomi di kalangan negara membangun dapat membantu pembangunan ekonomi yang berterusan.

8. Sama ada isu di hadapan kita merupakan rintangan perdagangan atau sebaliknya, peluang pemasaran perlu diberi perhatian dan memerlukan usaha gigih yang sama daripada kita untuk mengatasinya atau memanfaatkannya. We will not despair when the odds are against us. Neither will we rest on our laurels.

9. Dalam menerokai pasaran antarabangsa, Malaysia hendaklah bersedia dan seharusnya mampu menawarkan tolak ansur laluan pasaran kepada negara-negara rakan niaga sepertimana kita pula berharap negara-negara yang menikmati faedah tersebut juga bersedia memberi kepada Malaysia laluan pasaran yang sama di negara mereka. Dengan ini, kedua-dua belah pihak akan bersama-sama menikmati faedah. Langkah yang diambil oleh Malaysia dalam menerokai pasaran-pasaran baru terutama di negara-negara dunia ketiga seperti di Afrika, Amerika Selatan dan Asia, adalah selaras dengan strategi ini. Oleh itu, bagi melengkapkan hubungan

perdagangan di peringkat Kerajaan dengan Kerajaan di negara-negara berkenaan, sektor swasta pula adalah digalakkan untuk memperkukuhkan hubungan dengan rakan-rakan swasta mereka di negara-negara berkenaan. Dalam hubungan ini, Kerajaan sentiasa menggalakkan penubuhan persatuan-persatuan ataupun 'business council' di antara sektor swasta Malaysia dengan rakan-rakan mereka di negara-negara yang mempunyai perhubungan perdagangan dengan Malaysia.

10. Malaysia akan terus menyokong usaha-usaha untuk mewujudkan dasar-dasar perdagangan yang tidak mempunyai unsur-unsur diskriminasi oleh mana-mana negara. Dalam hal ini, peraturan-peraturan untuk mengawal amalan perdagangan hendaklah digunakan secara adil dan bukan disalahgunakan sebagai satu alat untuk menekan negara-negara kecil seperti tindakan anti-lambakan, yang sering digunakan sebagai halangan bukan tarif.

11. Sebagai sebuah ekonomi yang dipengaruhi oleh keadaan di luar negara, Malaysia perlu komited kepada pelaksanaan sistem ekonomi dunia yang liberal dan terbuka. Bagi mencapai hasrat ini, Kerajaan akan terus menggubal dasar-dasar dan mengambil pendekatan-pendekatan yang boleh menggalakkan pembangunan industri serta merangsangkan aliran masuk pelaburan. Sektor swasta Malaysia hendaklah bersedia menerima hakikat bahawa pada satu masa nanti Kerajaan akan menghentikan semua perlindungan yang telah mereka nikmati selama ini. Justeru itu, sektor swasta hendaklah berusaha untuk meningkatkan persediaan mereka bagi menghadapi pasaran terbuka tanpa perlindungan.

12. Di peringkat firma pula, pengeluar-pengeluar Malaysia haruslah sedar bahawa persaingan di pasaran antarabangsa kini semakin mencabar. 'Competitive edge' dalam banyak keadaan ditentukan oleh keupayaan sesebuah firma untuk mengamalkan inovasi daripada segi teknologi pengeluaran yang dapat mengurangkan kos dan meningkatkan mutu keluaran mereka. Oleh itu firma-firma di Malaysia haruslah bersedia dan sanggup membuat pelaburan dalam bidang Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) dan tidak pula mengharap semata-mata kepada insentif daripada Kerajaan.

13. Pada masa ini perbelanjaan yang diperuntukkan kepada bidang R&D di Malaysia adalah terlalu kecil. Dalam tahun 1992 perbelanjaan bagi tujuan R&D di Malaysia hanya 0.8 peratus daripada Keluaran Negara Kasar (KNK). Daripada jumlah ini, hanya 20 peratus sahaja dibiayai oleh sektor swasta manakala selebihnya oleh sektor awam. Ini tidak mencukupi. Sektor swasta perlu mengeluarkan lebih banyak perbelanjaan untuk pembangunan dan penyelidikan. Melalui R&D ini, kita akan dapat membangunkan sesuatu keluaran itu hingga menjadi lebih istimewa atau mempunyai nilai ditambah yang tinggi berbanding dengan keluaran sejenisnya oleh pengeluar-pengeluar lain.

14. Saya percaya dalam bidang R&D ini, sektor swasta boleh memainkan peranan yang lebih utama berbanding dengan

Kerajaan. Ini adalah kerana biasanya R&D oleh Kerajaan kurang 'commercial oriented'. Sesuatu projek R&D yang diusahakan oleh firma swasta tidak semestinya besar dan menelan belanja berjuta-juta ringgit atau menghasilkan ciptaan yang betul-betul baru. Memadai jika setiap firma peka kepada keperluan menyesuaikan barangan mereka kepada citarasa semasa. Ini mungkin hanya melibatkan modifikasi kepada rekabentuk (design) atau penggunaan bahan alternatif, atau usaha mengubahsuai proses pengeluaran supaya lebih 'cost-effective' ataupun meningkatkan kepakaran pengurusan dan sebagainya. Usaha-usaha seperti ini jika dibuat secara berterusan akan mengurangkan kos oleh kerana perbelanjaan yang diperlukan boleh dibuat dan diagihkan dalam tempoh masa yang lebih panjang.

15. Strategi pembangunan keluaran masa depan hendaklah diarah untuk menjadikan keluaran kita mempunyai kelebihan komparatif berdasarkan teknologi, kualiti dan kepelbagaian keluaran dan bukan hanya berdasarkan kepada pembangunan pengeluaran berasaskan sumber-sumber sedia ada dan kos buruh yang relatif rendah. Ini boleh memastikan kita sentiasa mendahului saingan, dan dengan itu menerajui kemasukan barangan buatan Malaysia ke pasaran antarabangsa melalui kelebihan daya saingan dan kualiti. Strategi seumpama ini telahpun dilaksanakan dengan jayanya oleh beberapa negara di Asia Timur dalam membangunkan industri berasaskan eksport mereka.

16. Sudah sampai masanya bagi Malaysia dikenali sebagai negara pengeluar barangan yang berkualiti tinggi dan mampu menandingi keluaran negara-negara lain di peringkat antarabangsa. Ini kerana untuk jangkamasa sepuluh tahun akan datang, sektor pembuatan dijangka berkembang pada kadar purata 10.5 peratus setahun dan seterusnya menjelang tahun 2000 akan menyumbang sebanyak 37.2 peratus daripada KNK berbanding dengan 27 peratus pada tahun 1990.

17. Di samping itu, sektor pembuatan juga akan terus memainkan peranan yang penting di dalam pembangunan eksport negara. Di bawah Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua (RRJP2), eksport sektor pembuatan dijangka berkembang pada kadar 16 peratus setahun dan sumbangan kepada jumlah eksport negara pula dijangka meningkat daripada 60.4 peratus pada tahun 1990 kepada 81.8 peratus menjelang tahun 2000. Dalam pada itu, kita perlu meningkatkan kepakaran dalam sektor perkhidmatan kerana sektor ini mempunyai potensi eksport yang tinggi. Setakat ini ada firma-firma Malaysia yang telah mengeksport perkhidmatan tetapi adalah difikirkan bahawa satu strategi perlu digubal dan program yang lebih menyeluruh disediakan bagi eksport perkhidmatan ini. MATRADE telahpun diberi tanggungjawab untuk mengadakan program-program yang dapat meningkatkan prestasi eksport perkhidmatan oleh syarikat-syarikat Malaysia.

18. Satu perkara yang perlu mendapat perhatian semua pihak yang terlibat dengan dagangan antarabangsa ialah penggunaan kemudahan negara. Setiap tahun negara kehilangan ribuan

juta ringgit kerana pedagang Malaysia mencari jalan yang mudah dengan menggunakan kepakaran, organisasi dan kemudahan negara ketiga. Oleh kerana ini, bukan sahaja pembangunan kemudahan infrastruktur fizikal kita tidak mendapat keutamaan, tetapi juga berbagai-bagai jenis perniagaan seperti pengangkutan, pembungkusan, pengendalian kontena, insurans dan kegiatan sampingan di pelabuhan-pelabuhan tidak berkembang.

19. Kerajaan sedar akan alasan biasa, iaitu pelabuhan kita dan urusannya dianggap tidak efisien seperti pelabuhan asing. Tetapi semua ini boleh dibetulkan. Bahkan dengan penswastaan Pelabuhan Kelang, prestasinya sudah pun meningkat. Dan ada banyak kemungkinan ia akan dipertingkatkan lagi. Di samping itu, Kerajaan sedang membesarkan lagi Pelabuhan Kelang dan pelabuhan-pelabuhan lain. Sistem 'Electronic Data Interchange' (EDI) akan diperkenalkan tidak lama lagi.

20. Kerajaan telah mengisytiharkan Pelabuhan Kelang sebagai pelabuhan bebas cukai untuk menjadikannya pelabuhan entrepot. Dengan ini Pelabuhan Kelang dapat mengumpul barangan dari pelabuhan-pelabuhan kecil di Asia Tenggara untuk dibawa oleh kapal-kapal 'inter continental' dan sebaliknya Pelabuhan Kelang boleh menjadi 'distribution centre' kepada barangan untuk Asia Tenggara dari Eropah, Amerika dan pengeksport-pengeksport lain yang jauh. Perdagangan entrepot akan mewujudkan banyak peluang perniagaan dan akan menjadikan Pelabuhan Kelang lebih penting di rantau ini.

21. Saya berharap pedagang-pedagang Malaysia akan menggunakan Pelabuhan Kelang dengan lebih lagi dan mengambil peluang daripada aktiviti dagangan entrepot yang dipasarkan di situ.

22. Penubuhan MATRADE adalah satu tindakan Kerajaan untuk mengukuhkan prestasi eksport Malaysia sama ada eksport barangan ataupun perkhidmatan. Saya berharap MATRADE dapat meningkatkan lagi usaha-usaha menyediakan maklumat-maklumat perdagangan yang diperlukan oleh masyarakat pedagang seperti maklumat-maklumat berkenaan dengan pasaran, keperluan import, peluang-peluang perdagangan dan risikan pasaran. Sehubungan dengan ini, MATRADE perlu menyediakan satu sistem maklumat perdagangan yang komprehensif bagi menyokong sistem maklumat pasaran yang sedia ada dan dihubungkan dengan rangkaian sistem maklumat yang terdapat di peringkat antarabangsa. Adalah diharapkan bahawa aliran penyampaian maklumat dapat dicepatkan dan dikemaskinikan lagi bagi membolehkan pengeksport-pengeksport kita mendapat maklumat-maklumat yang penting dan tepat pada masanya.

23. Saya mengucapkan tahniah sekali lagi kepada Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri kerana berjaya menubuhkan MATRADE bagi meningkatkan lagi kegiatan eksport negara dan mengembangkan ekonomi Malaysia.

24. Dengan ini, saya dengan sukacitanya melancarkan dengan rasminya Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia, atau MATRADE.